

# DERMA DARAH BOLEH MENYELAMATKAN NYAWA

Oleh: Puan Norhamidah Jarimal @ Safri  
Program : Kerja Sosial HA52

Khamis, 10 Oktober 2013 – Ketika segelintir masyarakat masih takut-takut untuk mendermakan darah, situasi agak berbeza dengan pelajar Universiti Malaysia Sabah apabila mereka tampil mendermakan darah bagi membantu golongan yang memerlukan.

'Kempen Derma Darah' tersebut diadakan di bilik 24 jam Perpustakaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) anjuran Pelajar tahun 3 Program Kerja Sosial, Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial dengan kerjasama Jabatan Patologi, Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Likas (HWWKL). Program ini adalah di bawah Kursus PS32103: Praktikum I, Program Kerja Sosial yang bertujuan untuk memperkenalkan pelajar kepada agensi perkhidmatan sosial tempatan berdasarkan beberapa aspek seperti dasar perancangan, pentadbiran, dan pelaksanaan perkhidmatan serta perkembangan diri dari segi peribadi profesional. Seramai 9 orang pelajar tahun 3 Program Kerja Sosial yang terlibat iaitu di bawah pimpinan Saudara Raja Ahmad Yusuf Raja Mat dan di bawah seliaan Puan Norhamidah Jarimal @ Safri.

Menyedari sumbangan yang diberikan cukup bermakna kepada golongan yang memerlukan, seramai 130 pelajar UMS sanggup meluangkan masa mereka, telah tampil menjayakan program Kempen Derma Darah ini. Meskipun sibuk dengan tugas harian sebagai seorang pelajar, namun tidak sedikit pun menghalang mereka untuk menjayakan program murni tersebut. Program ini memberikan pendedahan kepada para pelajar tentang nilai-nilai murni dalam membantu golongan yang memerlukan bekalan darah.

Darah bukan saja boleh menyelamatkan mangsa kemalangan tetapi, juga penting untuk merawat penyakit berkaitan darah yang lain seperti Talasemia, Hemofilia dan Luekimia. Kebanyakan pesakit ini adalah datang daripada luar bandar dan kurang berkemampuan. Program seumpama ini seharusnya lebih kerap dijalankan kerana terlalu ramai di luar sana yang memerlukan darah, ini merujuk kepada hasil temubual bersama En. Yogest, selaku Ketua Jabatan Patologi, HKKWL. Beliau mengatakan bahawa seramai 400 orang pesakit Talesemia di hospital mereka sangat memerlukan darah (2013).

Justeru itu, kempen seumpama ini diharapkan dapat dijadikan amalan demi meningkatkan tahap kesedaran masyarakat untuk menderma darah. Selaras dengan matlamat kerja sosial iaitu komited untuk meningkat dan memulihkan kefungsi psikososial manusia untuk mencapai kesejahteraan mereka serta aspirasi kerajaan untuk mewujudkan masyarakat prihatin dan penyayang.



Successful campaign



Your blood type is..



Students at the ready

Seramai 130 pelajar UMS menjayakan program Kempen Derma Darah.



Heart shaped sign for the campaign